

**BAB II**

**LANDASAN TEORI**

## **BAB II**

### **LANDASAN TEORI**

Tasawwur Islam adalah merupakan satu mata pelajaran elektif kepada sukatan KBSM yang ditawarkan sebagai mata pelajaran pilihan kepada mereka yang berminat. Ianya bertujuan untuk memperluaskan dan memperkukuhkan kefahaman pelajar tentang pandangan hidup Islam serta memantapkan akidah Islam bagi membolehkan mereka menjadi seorang hamba dan khalifah Allah yang menjalani kehidupan menepati objektif kewujudannya di dunia ini dengan mengabdikan diri kepada Allah, berilmu, beramal dan bertaqwa.

Dalam bab ini perbincangan akan difokuskan kepada kandungan pengajian Tasawwur Islam dan memaparkan kajian-kajian yang lalu berkaitan dengan pengajian Tasawwur Islam secara umum, perkembangan pendidikan Islam di Malaysia, penyelidikan berkaitan dengan perubahan sahsiah pelajar dan perkara-perkara yang berkaitan dengan tajuk.

#### **2.1 PENDIDIKAN ISLAM**

Pendidikan dalam bahasa Arab disebut "tarbiah", yang asalnya membawa makna; pertambahan, perkembangan dan ketinggian. Perkataan "tarbiah" berasal dari kata kerja "rabba" yang antara maknanya ialah; memperbaiki, memimpin dan mentadbir. Menurut ahli bahasa, "tarbiah" bererti; membangun sesuatu secara tahap demi tahap menuju kepada kesempurnaan. Salah satu dari nama Allah ialah

“al-Rabb” ; kerana yang mengawal, mengislah, mentadbir dan mengarahkan makhluk kepada kesempurnaan ialah Allah. Semuanya ini merupakan inti dari pendidikan. Oleh sebab itu “Rabb al-‘ālamīn” ditafsirkan sebagai “Murabb al-‘ālamīn” (Pendidik Seluruh Alam), dan Allah s.w.t ialah “Pendidik yang Teragung”, jadi perkataan “tarbiah” mengandungi dua unsur terpenting ; iaitu pertambahan dan pembaikan hingga ke tahap kesempurnaan.<sup>1</sup>

Dalam memberi pengertian mengenai pendidikan Islam, para ulama’ telah berusaha meletakkan asas kepada pengertian pendidikan Islam antaranya ialah pandangan Dr. Yusof al-Qardhāwī yang mengatakan bahawa pendidikan Islam ialah pendidikan manusia seutuhnya, akal dan hatinya, rohani dan jasmaninya, akhlak dan ketrampilannya.<sup>2</sup>

Hasan al-Syarqāwī menyatakan bahawa para sarjana Islam telah berselisih pandangan mengenai pendidikan Islam, adakah ia terbatas kepada pendidikan formal atau satu aspek umum yang perlu diberi perhatian oleh seluruh umat Islam. Beliau seterusnya menyatakan bahawa pendidikan Islam merangkumi dua aspek utama, iaitu;

- i. Prinsip umum yang berkaitan dengan pendidikan umum (tarbiah)
- ii. Prinsip khas yang berkaitan dengan pengajian ilmu (ta‘līm)<sup>3</sup>

---

<sup>1</sup> Wan Zahidi bin Wan Teh (1986), *Identiti dan Kandungan Pendidikan Islam*, Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur: Percetakan Sais Baru Sdn. Bhd., h. 1-2

<sup>2</sup> Yusof al-Qardhāwī (1980), *Pendidikan Islam Dan Madrasah Hasan al-Bannā*, Jakarta: Cet. Bulan Bintang, h. 39

<sup>3</sup> Hasan al-Syarqāwī (1983), *Naḥwa al-Tarbiyyah al-Islāmiyyah*, Iskandariah: Muassasah al-Syabāb al-Jāmi‘ah, h. 9-11

Prinsip pertama ialah program pendidikan umum yang berkaitan dengan seluruh aspek kehidupan masyarakat muslim, ia tiada sempadan masa dan tempat. Pendidikan ini wujud di mana sahaja samada di institusi pendidikan, di rumah serta dalam semua aktiviti masyarakat muslim.

Prinsip kedua ialah pendidikan khas yang hanya terbatas kepada pengajian ilmu atau pengajian Islam yang merupakan salah satu cabang pemikiran Islam. Ia merangkumi penyediaan program pengajian, pemilihan subjek, meletakkan sasaran di setiap peringkat pengajian, perbincangan tentang pentadbiran institusi, metodologi pendidikan, persekitaran serta aspek-aspek berkaitan.<sup>4</sup>

Setelah diteliti pengertian-pengertian tersebut, dapatlah disimpulkan bahawa pendidikan Islam adalah suatu proses yang dilalui oleh seseorang melalui bimbingan secara formal atau tidak formal untuk mencapai kesempurnaan membentuk keperibadian muslim yang unggul berdasarkan ajaran Islam bagi meneruskan kesinambungan generasi muslim.<sup>5</sup>

Pendidikan Islam adalah tanggungjawab kerajaan dan terletak di bawah kekuasaan Raja-Raja Melayu. Perkara ini telah ditegaskan oleh Perlembagaan Malaysia (Bah. 1 Perkara 3) bahawa agama Islam adalah agama rasmi negara dan hal-hal yang berkaitan dengan urusan agama Islam adalah di bawah kekuasaan Raja-Raja Melayu.<sup>6</sup> Oleh itu kerajaan berhak mengadakan anggaran belanjawan

---

<sup>4</sup> *Ibid*, h, 11.

<sup>5</sup> *Ibid*.

<sup>6</sup> Perlembagaan Persekutuan (1996), Bah. 1 Perkara 3, Kuala Lumpur: International Law Book Services.

khusus bagi mengatur pendidikan dan pengajaran agama Islam serta mewujudkan yayasan-yayasan Islam untuk tujuan menyebarkan agama dan pendidikan Islam di sekolah dan di dalam masyarakat.<sup>7</sup>

### 2.1.1 Matlamat Pendidikan

Matlamat merupakan sasaran yang hendak dicapai oleh setiap aktiviti manusia. Setiap aktiviti manusia mesti mempunyai matlamat atau tujuan tertentu kerana aktiviti yang tidak mempunyai tujuan adalah pekerjaan sia-sia.

Menurut Haji Zainal Abidin Safarwan, didik bererti bimbing, tuntun, ajar, pelihara dan jaga dengan hati-hati. Pendidik bererti guru, pengasuh, wali, pemimpin, pengelola, pelatih, penyelenggara, pengajar, pamong dan pemelihara. Pendidikan pula bererti pengasuh, tarbiah dan pemeliharaan.<sup>8</sup>

Matlamat pendidikan bangsa Cina dahulu adalah mempersiapkan anak didik untuk hidup bekerjasama dalam tugas-tugas besar. Bangsa Hindu mengarahkan tujuan pendidikan pada pembiasaan (melatih) anak didik bersikap sabar dan menerima kenyataan yang ada serta mampu menahan nafsu. Bangsa Sparta lebih mengutamakan kepada pembentukan sifat-sifat keberanian dan kesabaran serta sikap menghormati para pemimpin dan patriotisme (menyintai tanah air) serta taat kepada pemerintahnya. Bangsa

---

<sup>7</sup> Mohammad Suffian bin Hashim (1984), *Mengenal Perlembagaan Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 208.

<sup>8</sup> Zainal Abidin Safarwan (1995), *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd., Terbitan Pertama, h. 437-438.

Athena (Yunani kuno) mengarahkan tujuan pendidikan pada pembentukan peribadi yang berkesinambungan dalam aspek-aspek jasmaniah dan kecerdasan, moral dan keindahan budi.<sup>9</sup>

Filosuf Yunani yang terkenal Plato (427-346 M) mengatakan bahawa pendidikan adalah bererti memberikan keindahan dan kesempurnaan yang mungkin diberikan kepada jasmani dan rohani.<sup>10</sup>

John Meltan, penyair Inggeris yang terkenal (1608-1614 M), memberikan definisi pendidikan sebagai berikut: Pendidikan yang sempurna ialah pendidikan yang dapat menjadikan manusia mampu untuk menunaikan apa-apa sahaja pekerjaan, terhadap diri sendiri atau masyarakat dengan teliti, jujur dan cekap, baik dalam damai maupun dalam perang.<sup>11</sup>

Sully, filosof, ahli pendidikan dan ilmu jiwa Inggeris mengatakan bahawa pendidikan adalah bererti melatih potensi-potensi yang telah dimiliki anak agar ia mampu untuk mengendalikan hidupnya dengan sopan, sihat dan bahagia. Sementara W.T. Harris pula mengatakan bahawa erti pendidikan adalah mempersiapkan seseorang agar dia dapat memberikan kebahagiaan kepada dirinya sendiri dan juga kepada orang lain.

<sup>9</sup> 'Alī al-Jumbulātī dan 'Abdūl Futūh al-Tuwānīsī (1994), *Dirāsah Muqāranah fī al-Tarbiyyah al-Islāmiyyah*, terj. Prof. H.M. Arifin, c. 1, Jakarta: PT Rineka Cipta, h. 39-40.

<sup>10</sup> Muhammad 'Atiyyah al-Abrāsī (tt), *Rūh al-Tarbiyyah wa-al-Ta'lim*, c. 10, Mesir: 'Isā al-Bāb al-Halabī, h. 5.

<sup>11</sup> *Ibid.* h. 6.

Hall mengatakan bahawa pendidikan yang sempurna itu ialah: pendidikan yang dapat memelihara kesihatan badan dan kekuatan jasmani bagi murid, juga pendidikan memungkinkannya mengenai kekuatan akal dan jasmaniahnya serta menambahkan kecepatan tanggapannya dan ketajaman kepintarannya, serta melatihnya supaya cepat dan teliti dalam membuat keputusan, dan membimbingnya supaya berperasaan halus, menjalankan kewajipan-kewajipannya dengan teliti dan hati-hati.<sup>12</sup>

Carter V. Good menjelaskan pendidikan bererti segala proses memajukan sikap serta nilai baik yang menjadi amalan dalam sebuah masyarakat kepada setiap individu yang hidup dalam kelompok tersebut.<sup>13</sup>

John Dewey pula menyatakan bahawa pendidikan adalah kaedah yang asas untuk memaju dan membawa pembaharuan dalam sesebuah masyarakat.<sup>14</sup>

Sementara Richard James pula menyatakan mengenai kepentingan pendidikan dengan katanya: “sekiranya awak berfikir setahun ke hadapan tanamlah benih, sekiranya awak berfikir sepuluh tahun ke hadapan tanamlah sebatang pokok dan sekiranya awak berfikir seratus tahun ke hadapan didiklah manusia”.<sup>15</sup>

---

<sup>12</sup> *Ibid.*

<sup>13</sup> Carter V. Good (1945), *Dictionary of Education*, New York and London: MC. Graw, Hill Book Company, Inc, h. 144.

<sup>14</sup> John Dewey (1969), *Education Today*, New York: Edited by Joseph Ratner, Green Wood Press Publishers, h. 5.

<sup>15</sup> Richard James (1982), *World Religions in Education Approches to Islam*, London: 50, Albermate Street, h. 127.

Saint Thomas Aquinas (1225 - 1273 M) pernah menyatakan bahawa sesungguhnya tujuan pendidikan dan tujuan hidup itu adalah merealisasikan kebahagiaan dengan cara menanamkan keutamaan akal dan akhlak.<sup>16</sup>

Pestalozzi dan Probel setuju membatasi tujuan pendidikan diarahkan kepada perbaikan masyarakat dengan cara menumbuhkan bakat individual anak.<sup>17</sup>

Hegel (1770 – 1831 M) berpendapat bahawa sebaliknya pendidikan itu berusaha untuk mendorong perkembangan jiwa kelompok dan menghindari perbuatan yang membawa kepada dorongan kebendaan (materialisme).<sup>18</sup>

Menurut Prof. Madya Dr. Abdul Halim bin Haji Mat Diah, pendidikan adalah proses yang dilalui oleh anak didik dengan bimbingan yang dilakukan secara sengaja oleh si pendidik untuk membentuk keperibadian yang tertentu berdasarkan cita-cita dan falsafah hidup.<sup>19</sup>

Matlamat pendidikan yang telah diuraikan di atas adalah berbeza-beza kerana didasarkan atas kehidupan bangsa masing-masing yang pada prinsipnya tujuan-tujuan tersebut diarahkan untuk mencapai kehidupan duniawi yang baik yang ditekankan pada kemampuan melakukan pekerjaan praktis yang bermanfaat.

---

<sup>16</sup> Richard James (1982), *Ibid*, h. 40.

<sup>17</sup> *Ibid.*, h. 41.

<sup>18</sup> *Ibid.*, h. 41.

<sup>19</sup> Abdul Halim bin Haji Mat Diah (1989), *Islam dan Demokrasi Pendidikan*, Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam, h. 43.



## 2.1.2 Matlamat Pendidikan Menurut Islam

Matlamat pendidikan Islam menurut pandangan para filosof Islam adalah sebagaimana berikut:

Imam Abu Ḥamid al-Ghazali<sup>20</sup> menyatakan matlamat dan tujuan pendidikan Islam itu adalah: *“Bertaqarrub (mendekatkan diri) kepada Allah Ta’ala tanpa tujuan mendapatkan jawatan kepimpinan, bermegah-megah dan berlumba-lumba.”*<sup>21</sup>

Sementara Ibn Khaldun<sup>22</sup> (1332–1406 M) pula dalam kitabnya al-Muqaddimah mengatakan:

*“Adalah pendidikan Islam mengarah kepada dua tujuan iaitu:-*

1. *Tujuan keagamaan, maksudnya ialah beramal untuk akhirat, sehingga ia menemui Tuhannya, dalam keadaan ia telah menunaikan hak Allah yang diwajibkan ke atasnya.*
2. *Tujuan ilmiah – keduniaan, iaitu apa yang diungkapkan dalam pendidikan moden dengan tujuan kemanfaatan, atau persiapan untuk hidup.*<sup>23</sup>

Menurut Prof. Şāleḥ ‘Abd al-‘Azīz dan Dr. ‘Abd al-‘Azīz ‘Abd al-Mājid bahawa tujuan pendidikan Islam adalah: *“Untuk mendapatkan*

<sup>20</sup> Beliau ialah Muḥammad bin Muḥammad bin Aḥmad Abu Ḥamid al-Tusi al-Ghazali. Dilahirkan pada tahun 450h di negeri Tus dan meninggal dunia di sana pada 14 Jamadil Akhir 505h.

<sup>21</sup> Muḥammad ‘Atiyyah al-Abrāsī (1969), *al-Tarbiyyah al-Islāmiyyah wa-falāsīfatuhā*, c. II, Mesir: ‘Isā al-Bāb al-Ḥalabī wa-Syurākah, h. 244.

<sup>22</sup> Beliau ialah Abdul Rahman Abu Zaid, dilahirkan di Tunisia tahun 1332h dan meninggal dunia di Kaherah tahun 1406h. Merupakan ahli sosiologi dan falsafah. Beliau mengarang kitab dalam pelbagai bidang dan karangan beliau yang paling masyhur ialah kitab al-Muqaddimah.

<sup>23</sup> Muḥammad ‘Atiyyah al-A’brāsī (1969), *Op.cit.*, h. 284.

*keredhaan Allah dan mengusahakan kehidupan.*"<sup>24</sup> Sementara Mustafa Amin menyatakan bahwa tujuan pendidikan Islam adalah: "*Mempersiapkan seseorang bagi amalan dunia dan akhirat.*"<sup>25</sup>

Prof. Dr. Muhammad 'Atiyyah al-A'brasyi dalam mengomentarikan definisi-definisi pendidikan yang dikemukakan oleh para pakar tersebut sebagaimana berikut:<sup>26</sup>

*"Sebenarnya semua definisi pendidikan yang tersebut adalah tercakup di dalamnya teladan-teladan, contoh-contoh yang tinggi, yang halus bagi para pendidik menegakkannya. Pada pendapat kami bahawa pendidik itu ialah mempersiapkan seseorang (anak didik) supaya dia dapat hidup dengan sempurna, bahagia, cinta kepada tanah airnya, kuat jasmaninya, sistematik pemikirannya, halus perasaannya, cekap dalam kerjayanya, bekerjasama dengan orang lain, indah ungkapannya, dalam tulisan dan lisannya dan tangannya melakukan pekerjaannya dengan baik".*

Menurut Drs. Syahminan Zaini, tujuan pendidikan Islam adalah membentuk manusia yang berjasmani kuat, sihat dan trampil, berotak cerdas dan banyak ilmu, berhati tunduk kepada Allah serta mempunyai semangat kerja yang hebat, disiplin yang tinggi dan pendirian yang teguh.<sup>27</sup>

Drs. Ahmad D. Marimba mengatakan bahawa tujuan pendidikan Islam adalah membentuk keperibadian muslim, iaitu keperibadian yang menyerahkan dirinya kepada Allah.<sup>28</sup>

<sup>24</sup> Šāleḥ 'Abd al-'Azīz dan Dr. 'Abd al-'Azīz 'Abd al-Majīd (1968), *al-Tarbiyyah wa-Turūq al-Tadris*, Jld I, c. IX, Mesir: Dār al-Ma'ārif, h. 34.

<sup>25</sup> Mustafa Amin (1926), *Tarīkh al-Tarbiyyah*, c. II, Mesir: Dār al-Ma'ārif, h. 167.

<sup>26</sup> Muhammad 'Atiyyah al-A'brāsyī (1969), *op.cit.*, h. 284-285.

<sup>27</sup> Syahminan Zaini, *op. cit.*, h. 48-49.

<sup>28</sup> Ahmad D. Marimba, *op. cit.*, h. 41-42.

Menurut Prof. Madya Dr. Abdul Halim Mat Diah, ungkapan yang paling baik dan lengkap tentang tujuan pendidikan Islam adalah membentuk keperibadian muslim. Dalam kata-kata “keperibadian muslim yang scutuhnya” akan tercakuplah keperibadian yang utama, keperibadian yang menyerahkan dirinya kepada Allah, dengan beribadah kepadaNya dan berusaha mendapatkan kebahagiaan dunia dan akhirat.<sup>29</sup>

### 2.1.3 Kesan Pengajian Tasawwur Islam Terhadap Pembentukan Sahsiah

Tasawwur Islam atau tanggapan terhadap Islam amat penting difahami dengan betul oleh seluruh umat Islam. Tasawwur yang didefinisikan sebelum ini mempunyai bidang atau ruang lingkup yang amat luas. Ia merangkumi semua aspek kehidupan manusia dan meliputi keseluruhan Islam. Bermula dari tasawwur terhadap tuhan, manusia, alam sekeliling sehinggalah kepada hubungan antarabangsa dan kehidupan selepas kematian.

Tasawwur yang jelas tentang sesuatu akan memberi kesan yang besar terhadap tindakan. Justeru pendidikan adalah merupakan perkara yang paling penting kepada manusia. Abū al-Hasan ‘Alī al-Nadawī mengatakan bahawa melalui sistem pendidikan akan mampu menyediakan sahsiah yang bebas, mempunyai jati diri dari sudut rohani dan perasaan. Melalui rohani

---

<sup>29</sup> Abdul Halim bin Haji Mat Diah (1989), *op. cit.*, h. 58.

ini akan terbentuk suatu acuan yang sempurna dan melengkapkan kepada segala ilmu-ilmu yang lain.<sup>30</sup>

Pendidikan adalah merupakan acuan yang mampu membentuk sahsiah dan keperibadian makhluk yang hidup. Melalui acuan tersebut dapat membentuk apa sahaja perkara yang dikehendaki. Pendidikan adalah merupakan suatu kekuatan yang kesannya lebih besar dari kesan bahan-bahan kimia yang lain. Ia mampu mengubah bukit yang besar dan teguh kepada debu-debu yang halus.<sup>31</sup>

Tasawwur Islam adalah merangkumi seluruh proses pendidikan yang berasaskan kepada sumber wahyu. Menurut Abdul Halim El-Muhammady: Pendidikan Islam ialah proses mendidik dan melatih akal, jasmani, rohani dan emosi manusia berasaskan sumber wahyu; al-Quran dan al-Sunnah, pengalaman para al-Salaf al-Soleh serta ilmuan yang mu'tabar untuk melahirkan insan sōlih yang mampu memikul tanggungjawab khalifah yang dipertanggungjawabkan oleh Allah (s.w.t) ke atas manusia supaya mengimarahkan (memakmurkan) alam ini untuk kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Seseorang tidak mungkin dapat mengikuti dan tetap berpegang teguh dengan ajaran agama tanpa dipimpin oleh ilmu pengetahuan, pemerhatian

---

<sup>30</sup> Abū al-Ḥasan 'Alī al-Nadawī (1968), *al-Sirā' Baina al-Fikrah al-Islāmiyyah Wa al-Fikrah al-Gharbiyyah*, Kuwait: Dār al-Kuwaitiah, h. 161.

<sup>31</sup> *Ibid*, h.167

dan pemikiran, kerana kadar kesempurnaan dalam perkara tersebut menandakan ketinggian darjat di sisi Allah s.w.t.<sup>32</sup>

Tanpa berlakunya proses pendidikan akan membawa kepada kejahilan, fahaman yang salah dan tidak mendapat tasawwur yang jelas tentang sesuatu menyebabkan berlakunya penyelewengan pemikiran. Perkara ini amat merbahaya kerana mereka akan menyangka perkara yang baik itu buruk sementara perkara yang buruk itu baik. Justeru itu, tindakan yang terbit daripada pelakunya akan bertentangan dengan tatasusila yang telah digariskan oleh agama.

Kepincangan sahsiah juga akan berlaku tanpa tasawwur yang jelas dan pendidikan yang seutuhnya. Perkara ini berlaku kerana jiwa yang kurang pengisiannya akan menjadi lemah dan mudah tunduk kepada kemahuan nafsu syahwat. Ianya memberi kesan yang negatif kepada akhlak dan keperibadian seseorang.

Sebenarnya terdapat pelbagai perbincangan yang telah diutarakan oleh para sarjana Islam berhubung dengan konsep Tasawwur Islam. Walaupun terdapat pelbagai olahan bahasa yang telah dikemukakan, tetapi ia memberi mafhum yang sama. Semuanya memusatkan kepada proses pendidikan yang menyeluruh berasaskan nilai-nilai akidah dan bersumberkan wahyu al-Quran dan Sunnah. Tujuannya hanyalah untuk membentuk manusia yang terbaik di dunia dan akhirat.

---

<sup>32</sup> Abū al-A' lā al-Maudūdī (1971), *al-Islām Fī Mtwājihat al-Taḥaddiyāt al-Mu'āṣarah*, Kuwait: Dār al-Qalam, h. 12

## 2.2 PERBINCANGAN BERKAITAN SAHSIAH

Sahsiah adalah merupakan kalimah Arab dari kata dasar "شخص" bermaksud seseorang. Sahsiah memberi maksud sejumlah sifat yang membezakan keperibadiannya dengan yang lain<sup>33</sup>. Kalimah ini telah diguna pakai dengan meluas dalam bahasa Melayu yang bermaksud keperibadian atau akhlak.

Masalah sahsiah atau akhlak adalah merupakan masalah global yang dihadapi oleh seluruh umat dalam dunia hari ini. Mengikut ajaran Islam bahawa sahsiah yang mulia adalah faktor utama yang menyumbangkan kepada pembangunan satu-satu umat dan negara. Akhlak yang mulia akan membentuk peribadi umat sebagai manusia yang berfikiran, manusia contoh untuk menuju ke arah kehidupan yang sempurna di dunia dan kebahagiaan di akhirat.

Apabila melihat kepada suasana masyarakat dunia hari ini, ternyatalah bahawa dunia sekarang sedang menghadapi krisis moral atau akhlak yang amat tenat. Nilai-nilai kemanusiaan dan kebahagiaan telah dan sedang terancam. Pertimbangan dan penilaian yang digunakan oleh masyarakat dan individu dalam menilai kebaikan dan keburukan tidak lagi berlandaskan landasan yang sepatutnya, malah kebanyakannya menurut kehendak hawa nafsu yang dilahirkan oleh fahaman kebendaan semata-mata.

<sup>33</sup> 'Ali al-Qāsimī, Aḥmad Mokhtār 'Umar, Muḥyi al-Dīn Ṣobīr (1989), *al-Mu'jam al-'Arabi al-Asāsī*, Tunisia: Lārousse, h. 674

## 2.2.1 Konsep akhlak dalam Islam

Islam telah meletakkan akhlak ke tahap yang paling utama bermula daripada individu perseorangan, perhubungan antara manusia dengan Allah, hubungan sesama manusia, hubungan antara negara dan perhubungan manusia dengan makhluk Allah yang lain.

Perkataan akhlak dalam bahasa Arab bermaksud fitrah manusia atau sesuatu yang melahirkan sifat atau perangai semulajadi manusia dalam bentuk lurus dan teratur.<sup>34</sup>

Menurut al-Imām al-Ghazālī dalam kitabnya ‘Ihyā’ ‘Ulūmuddīn’: akhlak ialah suatu keadaan yang tertanam di dalam jiwa yang melahirkan tingkahlaku dengan mudahnya tanpa berhajat kepada berfikir atau teragak-agak. Jika yang lahir tingkahlaku yang baik dan terpuji menurut akal dan syariat bererti ianya lahir dari akhlak yang terpuji. Sebaliknya jika tingkahlaku yang jahat dan keji menurut akal dan syariat bererti ianya lahir dari akhlak yang keji.<sup>35</sup>

Mengikut Dr. Jamil Saliba, akhlak dari segi bahasa bererti adat kebiasaan, perangai, kehormatan dan agama. Akhlak di kalangan Qudama’ menurut beliau ialah suatu sifat bersih dari jiwa yang dapat melakukan tindak tanduk dengan

---

<sup>34</sup> ‘Ali Fadhluullāh (t.t), *al-Akhlāk al-Islāmīyah*, Maktabah Dār al-Hayāt, h. 4.

<sup>35</sup> Al-Ghazālī (t.t), *op.cit.*, juz. 3, h.53.

mudah tanpa memerlukan pandangan dan fikiran serta tiada paksaan.<sup>36</sup> Prof. Ahmad Amin pula menyatakan bahawa ; “Akhlahk adalah merupakan suatu ilmu yang menjelaskan erti baik dan buruk”.<sup>37</sup>

Akhlahk Islam adalah berteraskan iman kepada Allah yang Maha Esa. Islam menganjurkan supaya berbuat baik dan meninggalkan perkara yang keji. Akhlahk Islam adalah bersumberkan kepada al-Quran dan al-Hadith.

### 2.2.2 Pandangan Barat Tentang Moral

Menurut pendapat setengah sarjana barat, akhlahk atau moral ialah kumpulan unsur-unsur keperibadian seperti pemikiran, sentimen dan naluri. Ada juga yang mengaitkannya dengan tabiat dan kehendak naluri manusia.

Terdapat beberapa orang tokoh daripada barat yang telah membuat kajian tentang konsep sikap dan telah membuat definasi mereka tersendiri. Antara mereka ialah Large (1888), Munsterberg (1889),Muller (1900), Koffa (1912), Washburn (1916) dan lain-lain pengkaji lagi daripada Amerika Syarikat dan British.<sup>38</sup>

---

<sup>36</sup> Jamil Saliba (1971), *op.cit*, h. 49.

<sup>37</sup> Ahmad Amin (1975), *al-Akhlahk*, terjemahan oleh Prof. K.H.Farid Ma'aruf, Ethika Ilmu Akhlahk, Jakarta: cetakan Bulan Bintang, h. 15.

<sup>38</sup> Hindun Lidin (1987), *Kesan Pendidikan Islam Terhadap Perubahan Sikap Pelajar-pelajar Universiti Teknologi Malaysia*, (Tesis Sarjana Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia).



Kajian tentang sahsiah ini telah mengambil masa yang lama dan terdapat pelbagai takrifan yang telah diutarakan. Definasi dan pengertian tersebut mengandungi ciri persamaan dan dapat disimpulkan seperti berikut:

- i. Ia merupakan suatu proses mental individu yang menentukan tindak balas dalam kehidupannya.
- ii. Rasa hati individu ini dihubungkan dengan penilaian positif atau negatif, suka atau tidak suka, setuju atau tidak setuju.
- iii. Ia adalah suatu kesediaan mental yang tersusun daripada pengalaman yang mempengaruhi individu dalam melahirkan tindakbalas semua objek atau situasi yang berkaitan.

Daripada tinjauan takrifan tersebut, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa ia adalah suatu proses mental individu yang menentukan tindakbalas tersebut dalam kehidupannya dan ketetapan rasa hati serta perasaan individu. Ia juga memberi erti kesediaan mental yang tersusun daripada pengalaman yang dapat mempengaruhi tindak balas individu.

### 2.2.3 Kaedah pembentukan sahsiah

Islam adalah agama yang amat mengambil berat terhadap pembentukan peribadi yang baik dan akhlak yang mulia. Pelbagai kaedah telah digariskan dalam ajaran Islam untuk membentuk sahsiah yang baik.

Antaranya ialah:

- a) Dengan ilmu pengetahuan yang luas serta mendalam untuk mengetahui jenis-jenis sahsiah yang baik dan yang buruk kerana ianya ada kaitan dengan iman dan taqwa. Ini bererti melengkapkan para pelajar dengan asas-asas keimanan, membiasakan mereka melaksanakan rukun Islam serta mengajar mereka dasar-dasar syariat sejak mula berakal lagi.<sup>39</sup>
  
- b) Menanamkan nilai akhlak yang mulia dalam ingatan seseorang supaya tetap bertapak dalam hatinya agar dia sentiasa berwaspada dalam segala gerak-geri dan tindak tanduknya. Jika dia terlupa nilai-nilai tersebut, dia akan melakukan perkara yang keji. Pendidikan akhlak ialah pendidikan yang bersifat teori dan praktis. Sumber pendidikan akhlak ialah pengajaran daripada al-Qur'an, contoh tauladan daripada Rasulullah s.a.w serta perbuatan baik menurut pertimbangan akal yang sihat, sesuai dengan peredaran waktu, keadaan dan tempat.<sup>40</sup>

---

<sup>39</sup> 'Abdullāh Nāsīh 'Ulwān (1989), *Pendidikan Anak-Anak Dalam Islam*, (Terj.)jil. I, Singapura: Pustaka Nasional, h. 157.

<sup>40</sup> Abdullah al-Qari (1989), *Dasar Pendidikan Menurut Islam*, Kota Bharu: Pustaka Aman Press, h. 96

- c) Menanam akidah Islam yang mendalam dalam diri seseorang individu terutamanya kepercayaan dengan hari akhirat dan pembalasan selepas mati.
- d) Mengerjakan ibadat-ibadat wajib dan sunat, kerana amalan itu sendiri akan membersihkan diri seseorang daripada dosa. Amalan tersebut merupakan makanan kepada roh sebagaimana badan yang memerlukan kepada makanan. Ianya akan meletakkan seorang muslim sentiasa terikat hubungannya dengan Allah s.w.t.<sup>41</sup>
- e) Mewajibkan ke atas dirinya melakukan sifat-sifat yang terpuji. Pendidik dapat menanam sifat dan pengaruh yang baik ke dalam jiwa pelajar. Dengan ini, pendidik dapat mengarahkan pelajar kepada kebaikan dan kemaslahatan masyarakat dan umat.<sup>42</sup>
- f) Memaksa diri melakukan pekerjaan yang berlawanan dengan sifat-sifat yang keji. Dalam hal ini Islam menggalakkan para ibubapa dan pendidik agar sentiasa mengawasi dan mengambil berat soal pembentukan anak-anak mereka, aspek yang paling penting diberi perhatian ialah aspek keimanan, sahsiah, mental, ilmu pengetahuan, jasmani, kemasyarakatan dan rohani.<sup>43</sup>

---

<sup>41</sup> Yusof al-Qardhāwī (1977), *op.cit.*, h.26.

<sup>42</sup> Abdul Raḥmān al-Nihlāwī (1983), *Uṣūl al-Tarbiyyah al-Islāmiyyah Wa Asālibihā*, Beirut: Dār al-Fikr, h. 282.

<sup>43</sup> Abdullāh Nāsiḥ 'Ulwān (1989), *op.cit.*, h. 287-299

g) Berkawan rapat dengan orang yang berakhlak mulia dan menjauhi daripada orang yang sentiasa melakukan sifat-sifat keji. Dalam hal ini Abdullah Nāsīh ‘Ulwān menyatakan bahawa prasarana yang sangat diperlukan ialah program pendidikan yang lengkap dan suasana persekitaran yang baik yang mempengaruhi .<sup>44</sup>

h) Berusaha untuk mengikuti pimpinan dan tauladan yang baik. Dalam konteks ini, contoh yang paling utama perlu diikuti ialah peribadi Rasulullah s.a.w yang merupakan jalan menuju ke arah pendidikan yang selamat. Jika tidak, ia akan membawa ke jalan yang sesat dan kehancuran.<sup>45</sup>

Ini selaras dan bertepatan dengan firman Allah Ta’ala:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ  
الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا ﴿٢١﴾

(Surah al-Ahzab (33): 21)

Bermaksud: *Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)*.<sup>46</sup>

(Terjemahan Surah al-Ahzab (33): 21)

<sup>44</sup> Abdullah Nāsīh ‘Ulwān (1989), *Ibid*, h. 181-198.

<sup>45</sup> Hasan al-Syarqāwī, *op.cit.*, h. 173-174.

<sup>46</sup> Syekh Abdullah bin Muhammad Basmeih (2000), *op.cit.*, h. 908.

#### 2.2.4 Pembentukan sahsiah matlamat pendidikan

Pembentukan sahsiah adalah merupakan agenda utama pendidikan. Ia mempunyai perkaitan yang rapat dengan sikap iaitu perbuatan yang terhasil dari dorongan batiniyyah (akhlak). Akhlak membawa implikasi yang besar kerana ia mencakupi seluruh perbuatan lahiriah manusia yang dihasilkan dari dorongan batiniah.<sup>47</sup>

Ahli pendidik dan ahli fikir Islam menekankan aspek ini termasuk Imām al-Ghazālī yang mengatakan bahawa tugas utama pelajar adalah untuk membersihkan jiwa dari akhlak yang rendah. Menurutnya ibadat hati dan mengisi batin dengan ilmu tidak sah tanpa lebih dahulu membersihkan hati dari najis akhlak yang keji dan sifat-sifat kotor.

#### 2.2.5 Kesan sahsiah terhadap pencapaian

Sahsiah pelajar yang positif mempunyai pertalian yang nyata dengan pencapaian yang positif. Pelajar yang mempunyai sahsiah yang baik menunjukkan kebiasaan belajar yang baik, sikapnya terhadap guru dan mendapat galakan daripada ibubapa mereka.

Mereka sentiasa diberi perhatian oleh para guru, ibu bapa dan juga rakan-rakan seperjuangan. Mereka menjaga disiplin dan peraturan yang ditetapkan juga sentiasa menepati masa yang diperuntukkan. Para pelajar yang bersahsiah

---

<sup>47</sup> Anwar Ibrahim (1998), *Persoalan Akhlak Dalam Pendidikan*, Kuala Lumpur, PKPIM.

positif juga tidak dikaitkan dengan salah laku dan masalah-masalah sosial yang lain. Mereka tidak terbeban dengan masalah luaran yang mengganggu proses pembelajaran dan pengajian mereka.

Dengan ini mereka dapat memberikan tumpuan yang sepenuhnya terhadap pembelajaran dan semestinya akan memberikan kesan yang baik terhadap pencapaian. Ini menunjukkan bahawa peribadi dan sahsiah seseorang pelajar dapat mempengaruhi pencapaiannya dalam pelajaran.

### **2.3 KANDUNGAN PENGAJIAN TASAWWUR ISLAM**

Kajian yang menyeluruh berkaitan dengan kandungan pengajian Tasawwur Islam dalam bidang penyelidikan di Malaysia masih kurang dan sukar didapati. Kajian penulis dalam bidang ini adalah sebagai memenuhi dan melengkapkan lagi kajian akan datang berkaitan dengan bidang pengajian Tasawwur Islam.

Konsep tasawwur Islam mula diperkenalkan oleh Syed Qutb (1987) dalam bukunya ( *Khaṣāiṣ al-Taṣawwur al-Islāmi wa Muqawwimātuh*)<sup>48</sup>. Dalam buku tersebut beliau telah membincangkan tentang aspek tasawwur dan 'itiqad iaitu menjelaskan ciri-ciri pemikiran umum Islam mengenai Allah, alam, kehidupan dan manusia. Beliau tidak membincangkan secara khusus tentang ciri-ciri manhaj (peraturan), aliran mazhab dan perundangan Islam yang merangkumi aspek akidah, ibadat, akhlak dan syari'at. Ini kerana beliau bukan berhasrat untuk membincangkan perkara tersebut dalam buku ini walaupun terdapat juga perbincangan mengenainya pada sesetengah tempat.

---

<sup>48</sup> Syed Qutb (1987), *op.cit.*, h. 45.

Konsep ini diolah dengan lebih terperinci oleh Dr. Yusuf al-Qardhawi dalam bukunya (*al-Khaṣāiṣ al-‘Āmmah li al-Islām*).<sup>49</sup> Kitab beliau ini adalah sebagai menyempurnakan lagi kitab karangan al-Syahid Sayyid Qutb dalam kitabnya (*Khaṣāiṣ al-Taṣawwur al-Islāmi wa Muqawwimātuh*). Tidak peliklah sekiranya kitab ini memetik beberapa tajuk utama seperti: Rabbāniah (ketuhanan), Syumūl (lengkap), Wāqi‘iyyah (benar dan nyata) dan al-Tawāzun (sederhana).

Konsep yang komprehensif berkaitan tasawwur Islam ini juga dihuraikan oleh Abū al-A‘lā al-Maudūdi di dalam buku (*Asas-Asas Islam*).<sup>50</sup> Buku ini memberi gambaran atau tasawwur tentang ajaran Islam secara lebih jelas. Kandungan buku ini membincangkan bagaimana Islam mengatur kehidupan untuk manusia di atas muka bumi ini. Ianya bermula dari pengertian akidah dengan segala cabangnya. Pengarang juga menghuraikan hubungkait dengan perilaku dan perjalanan hidup manusia.

Selepas persoalan akidah, buku ini membincangkan pula persoalan Nubuwwah (kenabian) yang merupakan asas yang sangat penting dalam Islam. Bahagian akhir buku ini memberi penjelasan yang padu tentang tasawwur pengertian syari‘at dan hubungannya dengan Islam serta kewajipan-kewajipan yang perlu dilaksanakan setelah seseorang mengakui ketinggian dan kemuliaan syari‘at Allah.

---

<sup>49</sup> Yusuf al-Qardhāwī (1977), *op.cit.*, h. 26.

<sup>50</sup> Abū al-A‘lā al-Maudūdi (1988), *op.cit.*, h. 3

Sementara kandungan buku teks pengajian Tasawwur Islam KBSM bagi tingkatan empat membincang beberapa tajuk yang penting seperti berikut:-

### **I. Asas Pemikiran Islam**

Objektif mata pelajaran Asas pemikiran Islam adalah untuk membolehkan pelajar:

- a. Memahami pentingnya peranan dan kedudukan wahyu dalam membentuk kehidupan seseorang Muslim.
- b. Memahami kedudukan dan peranan akal dalam kehidupan manusia
- c. Mampu membezakan antara budaya Islam dan budaya bukan Islam
- d. Memahami dan mengamalkan nilai nilai yang baik serta menghindarkan diri dari nilai nilai yang bercanggah dengan Islam.

Antara isi kandungannya ialah:

#### **I. Kedudukan wahyu dan akal**

Islam berteraskan wahyu Islam adalah lengkap dan meliputi semua aspek kehidupan. Islam tidak boleh diragui. Wahyu adalah sumber pengajaran Islam yang bersifat azali. Kedudukan dan peranan akal dan hubungannya dengan wahyu.



## 2. Bimbingan akal kepada al-Quran

Akal berfungsi di bawah naungan wahyu. Tindak-tanduk akal boleh diterima sekiranya tidak bercanggah dengan tuntutan wahyu.

## 3. Pengaruh luar yang merosakkan pemikiran Muslim.

Kemasukan dan kebanjiran pelbagai ciri budaya asing yang bertentangan dengan ajaran Islam membawa kesan yang buruk kepada pemikiran dan cara hidup umat Islam. Budaya ini telah meresap di kalangan umat Islam kerana umat Islam tidak memiliki kefahaman yang lengkap tentang ajaran Islam dan tidak mempunyai ketahanan diri yang kukuh. Oleh itu umat Islam perlu memahami unsur unsur budaya asing yang boleh diambil dan yang tidak boleh diambil.<sup>51</sup>

## II. Pandangan Hidup Islam

Objektif matapelajaran Pandangan Hidup Islam adalah untuk membolehkan pelajar-pelajar;

- a. Memahami Islam datangnya dari Allah S.W.T. semata-mata.
- b. Memahami Islam adalah agama yang lengkap serta dapat memenuhi seluruh keperluan manusia.
- c. Menerima segala pengajaran Islam benar-benar dan nyata dan tidak bertentangan dengan pemikiran manusia.
- d. Menerima segala peraturan yang terkandung di dalam al-Quran yang bersifat 'alamiyy itu sesuai untuk semua manusia.

---

<sup>51</sup>Kementerian Pendidikan Malaysia (2002), *Huraian Sukatan Pelajaran Tasawwur Islam Tingkatan Empat*, Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1-14.

Isi kandungannya ialah sebagaimana berikut:

### 1. Ketuhanan (Rabbaniyyah)

Islam agama Allah yang diturunkan kepada manusia semenjak dari Nabi Adam A.S. sehingga kepada nabi Muhammad S.A.W. Allah menurunkan kitab suci al-Quran kepada manusia untuk menjadi pedomen dan panduan hidup sepanjang masa. Sifatnya yang azali dan terpelihara menjadikan al-Quran kekal dan tidak berubah.

### 2. Lengkap (Syumuliyah)

Oleh kerana Islam agama Rabbani, segala pengajaran adalah bersifat syumul, merangkumi semua urusan keduniaan dan keakhiratan.

Segala-galanya telah sedia terkandung di dalam ajaran Islam. Prinsip-prinsipnya sesuai di setiap tempat pada setiap masa dan zaman.

### 3. Benar dan Nyata (Waqi'iyah)

Islam adalah agama yang berpijak dibumi nyata. Segala sistem hidup Islam telah terlaksana semenjak al-Quran diturunkan kepada manusia. Pada zaman Nabi Muhammad S.A.W.

Islam telah menjadi satu kenyataan (Waqi'i) semua hukuman telah terlaksana dengan baik dan diterima sepenuhnya oleh semua golongan masyarakat.

#### 4. Sarwajagat ('Alamiyyah)

Islam adalah 'alamiyy; bermaksud tidak khusus untuk sesuatu masyarakat atau sesuatu bangsa sahaja. Sejak dari awal lagi golongan yang menerima Islam sebagai suatu cara hidup bukanlah terdiri daripada orang Arab sahaja. Islam telah tersebar luas diseluruh dunia termasuk kepulauan Melayu. Agama ini dianuti oleh pelbagai bangsa. Ini jelas membuktikan keunikan dan kesarwajagatan agama ini.<sup>52</sup>

### III. Institusi Islam

Objektif matapelajaran Institusi Islam adalah untuk membolehkan pelajar-pelajar;

- a. Memahami asas-asas yang diperlukan dalam sistem pemerintahan Islam;
- b. Memahami bentuk pentadbiran sebuah negara atau organisasi mengikut kehendak Islam
- c. Memahami peranan sistem kehakiman dan matlamatnya menurut pandangan Islam
- d. Memahami peranan dan tanggungjawab individu terhadap masyarakat dan negara.

---

<sup>52</sup> *Ibid.*, h. 17-18.

Isi kandungannya ialah:

### 1. Sistem Pemerintahan Islam

Ciri-ciri sistem pemerintahan Islam; bagaimana sistem ini dibentuk dan siapakah yang layak menjadi pemimpin. Sistem ini juga merangkumi tugas dan tanggungjawab rakyat terhadap negara.

### 2. Sistem Pentadbiran Menurut Islam

Manusia khalifah yang menerima amanah daripada Allah untuk mentadbir alam, negara dan masyarakat. Manusia juga ditugaskan untuk menta'mirkan manusia selaras dengan kehendak Allah.

Mereka perlu mentadbir alam selaras dengan kehendak Allah, juteru itu, setiap diri manusia perlu dilengkapi dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai untuk membolehkannya mentadbir dengan cekap baik dan berkesan.

### 3. Sistem Kehakiman Menurut Islam

Keadilan menjadi matlamat utama dalam kehakiman Islam. Sistem ini berlandaskan al-Quran dan Hadith Nabi. Oleh itu, perlantikan seseorang hakim hendaklah berlandaskan peraturan Islam. Untuk mencapai keadilan, Islam menentang kezaliman dan membela yang dizalimi.

### 4. Sistem Sosial Mengikut Islam

Islam menggariskan peraturan-peraturan yang boleh membawa kepada pembentukan masyarakat yang sejahtera. Dalam perhubungan sesama manusia, Islam memberi keutamaan kepada nilai-nilai luhur seperti persaudaraan, kasih

sayang hormat menghormati dan kerjasama. Di dalam peraturan ini ditetapkan hak dan kewajiban individu, keluarga dan masyarakat.<sup>53</sup>

Sementara kandungan buku teks pengajian Tasawwur Islam KBSM bagi tingkatan lima pula membincangkan tajuk-tajuk berikut:-

### **I. Ekonomi Islam**

Objektif matapelajaran Ekonomi Islam adalah untuk membolehkan pelajar:

- a. Memahami konsep harta dan tanggungjawab Muslim mencari dan mentadbir harta.
- b. Memahami perlunya mengawal hak milik seseorang supaya tidak dicabuli dan juga kebebasan mencari dan memiliki harta yang halal.
- c. Mengenalpasti bidang-bidang pekerjaan yang halal yang dituntut oleh Islam serta mengenali ciri-ciri prinsip asas budaya kerja Islam.
- d. Mengamal dan menghayati konsep dan peraturan ekonomi Islam.

Isi kandungannya ialah:

#### **1. Islam Dan Harta**

Harta adalah milik Allah. Allah memberikan harta kepada manusia sebagai amanah untuk ditadbirkan dengan sebaik-baiknya. Umat Islam dilarang membazir, sebaliknya digalakkan berusaha dan boleh menambah harta melalui sumber-sumber yang halal.

---

<sup>53</sup> *Ibid.* h. 22-25

Mereka digalakan berderma dan bersedekah ke jalan yang diredai Allah. Islam menentang monopoli, manipulasi dan riba.

## 2. Islam Dan Hak Milik

Islam mementingkan hak milik. Seseorang itu bebas memiliki harta benda asalkan tidak bercanggah dengan kehendak Islam. Untuk menjamin agar hak milik seseorang itu selamat, Islam telah menetapkan peraturan tertentu seperti mengharamkan pencerobohan terhadap hak milik orang lain. Mereka yang melanggar peraturan ini boleh didakwa dan dihukum.

## 3. Islam Dan Pekerjaan

Islam memandang tinggi semua jenis pekerjaan yang halal. Islam juga menggalakkan penganut-penganutnya berdikari. Seseorang itu dituntut supaya reda dengan pekerjaannya dan menjalankan kerja-kerja yang telah diamanahkan dengan tekun untuk menjamin kebersihan upah yang diterima daripada pekerjaan tersebut. Oleh itu, sesuatu pekerjaan yang dibuat hendaklah kerana Allah.<sup>54</sup>

## II. Falsafah Perundangan Islam

Objektif matapelajaran Falsafah perundangan Islam adalah untuk membolehkan pelajar;

- a. Memahami matlamat sesuatu hukum Islam yang ditetapkan;
- b. Memahami perbezaan antara rukun dan bukan rukun, serta wajib, sunat, makruh dan haram dalam syariat Islam.

---

<sup>54</sup> Kementerian Pendidikan Malaysia (2002), *Huraian Sukatan Pelajaran Tasawwur Islam Tingkatan Lima*, Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1-7.

- c. Memahami falsafah sesuatu ibadat yang meliputi; munakahat, mu'amalat, jinayat dan had (kehakiman).
- d. Mengamalkan dan menghayati apa-apa yang dipelajari dalam falsafah perundangan Islam.

Isi kandungannya ialah:

### 1. Perundangan Islam

Termasuk dalam kandungannya ialah makna perundangan Islam dan falsafahnya serta pengertian rukun, perbahasan feqah dan fatwa.

Matlamat perundangan Islam adalah untuk memelihara agama, akal, keturunan, kehormatan dan harta benda.

### 2. Rukun Dan Kepentingan

Perbezaan antara rukun dan bukan rukun, antara wajib dengan haram, sunat, makruh, dan harus serta hikmat kefarduan sesuatu rukun.

### 3. Falsafah Ibadat

Pengertian dan falsafahnya dalam kehidupan Muslim dengan menekankan aspek munakahat, mua'malat, jinayat dan qada'.<sup>55</sup>

## III. Penyelesaian Masalah

Objektif matapelajaran Penyelesaian masalah untuk membolehkan pelajar;

---

<sup>55</sup> *Ibid.* h. 11-15.

- a. Mengenalpasti perkara-perkara yang perlu diambil kira dalam membuat sesuatu penyelesaian mengikut syariat Islam;
- b. Memahami kelebihan yang terdapat di sebalik penyelesaian masalah;
- c. Memahami penyelesaian secara Islam sahajalah yang muktamad dan tidak ada penyelesaian lain yang boleh mengatasinya.
- d. Mengamal dan menghayati apa-apa yang dipelajari dalam penyelesaian masalah.

Isi kandungannya ialah:

#### 1. Penyelesaian masalah

Asas-asas yang perlu diberi pertimbangan dalam penyelesaian masalah. Islam mempunyai cara-cara yang tersendiri dalam menyelesaikan masalah.

#### 2. Kelebihan penyelesaian masalah secara Islam .<sup>56</sup>

- a) Menkuatkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Allah.
- b) Memeperkukuhkan keimanan dan keperibadian Muslim.
- c) Mewujudkan keseimbangan dan kestabilan dalam kehidupan individu, masyarakat dan negara.
- d) Mewujudkan ketenangan dan kemantapan dalam kehidupan ummah.
- e) Menjamin perpaduan dan persaudaraan ummah.

---

<sup>56</sup> *Ibid.* h. 19-22.



f)Menghidupkan semangat daya juang dan kekuatan untuk membina ummah dan negara.

g)Menjamin identiti dan maruah ummah.

## 2.4 MASALAH SAHSIAH DAN MORAL DI KALANGAN PELAJAR

Alam persekolahan merupakan satu peringkat umur yang mencabar dan paling kritikal. Pelajar mula mencari dan cuba membentuk identiti diri, mencari haluan dan menyemai keyakinan diri bagi menentukan apa yang diinginkan dapat dicapai. Dalam mencari dan membentuk identiti inilah, mereka yang tersilap langkah akan terjebak ke dalam pelbagai gejala negatif seperti merokok, menagih dadah, pelacuran dan sebagainya.

Beberapa kes berikut yang dipetik dari laporan-laporan media sebagai bukti kepada runcingnya masalah sahsiah pelajar dan remaja di Malaysia secara umum: Tajuk berita dalam Berita Harian berbunyi “Remaja mengaku tidak tahu mengucap”.<sup>57</sup>

Laporan berita dalam Utusan Melayu bertajuk “Jenayah seks Membimbangkan” menceritakan peningkatan masalah tersebut. Lebih membimbangkan, kes-kes tersebut lebih banyak membabitkan golongan remaja di bawah umur.<sup>58</sup>

---

<sup>57</sup> Berita Harian 7 Mac 1998.

<sup>58</sup> Utusan Melayu, 29 Jun 1995.

Pensyarah Jabatan Psikologi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr. Khaidzir Ismail berkata, kajian mendapati 18 peratus daripada 6110 remaja di seluruh negara pernah melakukan hubungan seks bebas (75.1 peratus berusia antara 16 hingga 21 tahun). Kajian juga mendapati 71 peratus remaja yang berumur di antara 13 hingga 21 tahun menghisap rokok, 40 peratus menonton video lucah, 28 peratus terbabit dalam perjudian dan 14 peratus terbabit dalam penyalahgunaan dadah. Sementara kajian kebangsaan mengenai kesihatan Re-produktif dan seksualiti remaja di Malaysia mendapati 24 peratus remaja berusia 13 hingga 19 tahun pernah melakukan hubungan seks.<sup>59</sup>

Berdasarkan kajian yang dibuat oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar, Kementerian Pendidikan dari bulan Disember 1998 hingga Oktober 1999 mendapati sebanyak 459 daripada 1560 buah sekolah menengah (SM) harian di seluruh negara menghadapi risiko yang tinggi untuk terdedah kepada salah laku dan jenayah di kalangan pelajarinya.<sup>60</sup>

Menurut pengerusi jawatankuasa aktiviti Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia, Kamel Afandi Hasyim, di Selangor sahaja, jenayah yang melibatkan pelajar pada Januari – Disember 1999 ialah 213 kes dan bilangan tangkapan 403 orang.

Manakala pada tahun 2000, sebanyak 400 tangkapan membabitkan 256 orang Melayu, 65 orang Cina, 77 orang India, 2 orang perempuan Melayu dan 3

---

<sup>59</sup> Berita Harian, 3 Oktober 1996.

<sup>60</sup> Dewan Masyarakat, Jun 2000

orang perempuan Cina. Peringkat umur mereka yang ditangkap ialah 11 hingga 18 tahun. Namun tidak dapat dinafikan kejadian jenayah dikalangan remaja yang berusia 15 tahun mencapai angka yang tertinggi. Antara jenayah yang dilakukan oleh remaja termasuk menagih dadah, mencuri motorsikal, merompak stesyen minyak, merogol, curi kasut, bergaduh dan pelbagai lagi.<sup>61</sup>

Di negeri Kelantan pula masalah sahsiah dan keruntuhan akhlak di kalangan pelajar dan remaja dilaporkan mencatat peningkatan dari segi kesalahan juvana, iaitu 201 kes pada 1992 kepada 304 kes pada 1993.<sup>62</sup>

Menteri Besar Kelantan, Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata berlakunya gejala bohsia di kalangan belia di negara ini sekarang disebabkan tidak ada didikan rohani, mereka yang terlibat dalam bohsia berjiwa kosong dan tidak takut kepada Allah.<sup>63</sup>

Kenyataan akhbar mengatakan bahawa remaja Kelantan suka melepak berdasarkan kepada laporan yang dibentangkan oleh Menteri Belia dan Sukan, Datuk Abdul Ghani Othman, remaja Kelantan menghabiskan masa dengan budaya itu 12 jam seminggu. Berdasarkan itu, Kelantan menduduki tangga ke 10 daripada seluruh negeri di negara ini.<sup>64</sup>

---

<sup>61</sup> Fokus, bil. 12, Julai 2002, h.14.

<sup>62</sup> Harian Metro, Rabu, 25 Mei 1994.

<sup>63</sup> Utusan Melayu, 22 Oktober 1994.

<sup>64</sup> Harian Metro, Isnin, 27 Jun 1994.

Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Kelantan telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Pembasmian Jenayah Juvana Peringkat Negeri dan Daerah bagi menangani kes-kes juvana yang membabitkan para pelajar di negeri ini. Sementara itu Jawatankuasa Juvana Jajahan Tumpat telah mengenal pasti remaja berumur 15 tahun ke bawah banyak terlibat dalam kegiatan penagihan dadah, mencuri dan pecah rumah.<sup>65</sup>

Masalah sahsiah dan moral para pelajar di sekolah SMU(A) YIK pula adalah terkawal dan di tahap yang rendah, terdapat juga beberapa masalah salah laku pelajar di sekolah tetapi dapat diselesaikan dengan segera oleh pihak pentadbiran sekolah. Pihak YIK setakat ini belum menerima laporan berkaitan kes-kes berat yang dilakukan oleh pelajar YIK.<sup>66</sup>

Sementara itu bahagian Hal Ehwal Murid, Yayasan Islam Kelantan sentiasa memantau setiap perkembangan yang berlaku berkaitan dengan disiplin pelajar, rekod disiplin pelajar juga diwujudkan bagi melihat perkembangan setiap pelajar. Kebanyakan kesalahan yang direkodkan ialah kesalahan-kesalahan biasa seperti ponteng kelas, merokok dan beberapa kes budaya vandalisme.<sup>67</sup>

Masalah moral dan keruntuhan akhlak di kalangan remaja merupakan masalah yang semakin serius, justeru menyebabkan pihak kerajaan telah

---

<sup>65</sup> Utusan Melayu, 30 Oktober 1996.

<sup>66</sup> Temubual dengan Us. Mohd Mansur Hj. Daud, Ketua Penolong Pengarah (Pendidikan), Yayasan Islam Kelantan di pejabatnya pada 8 Mei 2003.

<sup>67</sup> Temubual dengan Us. Baharuddin Ishak, Penyelia Hal Ehwal Murid, Yayasan Islam Kelantan di pejabatnya pada 8 Mei 2003.

mengemukakan gagasan KBSM diiringi dengan penggubalan FPN yang menggariskan dengan jelas matlamat pendidikan iaitu membangunkan individu yang seimbang dari semua aspek jasmani, rohani, emosi dan intelek yang berdasarkan kepada kepatuhan kepada tuhan. Ianya juga untuk menanamkan semangat keislaman kepada pelajar Islam.

Sejarah dan latar belakang pendidikan Islam di Malaysia mempunyai kesan yang besar terhadap Tasawwur Islam kepada masyarakat Melayu Islam dewasa ini. Sukatan pelajarannya yang rendah akan memberi kesan yang negatif kepada tahap pengetahuan agama masyarakat Islam. Terdapat banyak kajian dan kes yang menunjukkan masyarakat Islam tidak mengetahui perkara-perkara asas Islam seperti mengucap dua kalimah syahadah, hukum halal dan haram, dosa dan pahala serta perbezaan antara ibadat dan adat. Kesemua ini telah menimbulkan pelbagai persoalan terhadap keberkesanan pengajaran Islam di institusi- institusi pengajian formal atau tidak formal seperti di masjid dan surau.

## 2.5 KESIMPULAN

Pelbagai masalah yang timbul dalam masyarakat hari ini adalah disebabkan oleh pelbagai faktor yang dasarnya merujuk kepada kurangnya penghayatan agama.

Perkara ini berlaku kerana mereka tidak mendapat tasawwur yang jelas dan berkesan mengenai ajaran agama yang mereka anuti. Proses untuk mengembalikan penghayatan tersebut ialah melalui pendidikan yang berterusan.

Justeru itu, keberkesanan pendidikan akan dapat dilihat kepada perubahan cara hidup. Keberkesanan pengajian tasawwur Islam dapat dinilai melalui penghayatan Islam, pembentukan sahsiah dan perubahan sikap para pelajar yang mengambil subjek ini.

Kajian terdahulu berkaitan dengan konsep dan kandungan sukatan pelajaran mendapati perlunya usaha yang lebih gigih dan serius untuk menjadikan subjek ini dapat memberikan kefahaman dan penghayatan kepada para pelajar Islam disamping menyediakan pendedahan nilai dan kesedaran moral serta pemikiran Islam kepada pelajar bukan Islam.